

Ucapan : ADHO
559

178/80

Ucapan Yang Berhormat Menteri
Pelajaran, Encik Hussein Onn,
di upacara Penyampaian Diploma
Institut Teknologi Kebangsaan,
Kuala Lumpur pada 30hb Sept.,
1972 Jam : 3.00 petang

Fail.

H/2/10

Yang Berbahagia Tuan Pengerusi serta

Ahli-Ahli Majlis Sementara

Institut Teknologi Kebangsaan,

Yang Berbahagia Tuan Rektor serta kakitangan-

kakitangan Institut Teknologi Kebangsaan,

Yang Berhormat Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-

Puan Sri, Dato-Dato dan Datin-Datin,

Graduan-Graduan,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan dan kakitangan Institut Teknologi Kebangsaan, kerana telah menjemput saya menghaziri Upacara Graduation Institut ini dan memberi penghormatan kepada saya menyampaikan diploma-diploma kepada graduan-graduan. Semenjak 14 Mach tahun ini, yayasan ini telah dikenali sebagai Institut Teknologi Kebangsaan, bertaraf Universiti. Ini ialah satu kehormatan yang besar kepada yayasan ini kerana telah dinaikkan tarafnya, dan menggambarkan keyakinan besar Kerajaan terhadap kecapaian mutu yang tinggi kakitangan akademik, professional dan pentadbiran.

professional dan kakitangan siber, Kementerian Pelajaran pada masa ini mengadakan 9 buah Sekolah Vokesyenal, 2 buah Sekolah Vokesyenal Pertanian, 3 buah Sekolah Urusan Rumah tangga, 3 Kelas Urusan

...2/

...3/

2. Tidak perlu bagi saya menyatakan lagi peri mustahaknya Sains dan Teknologi untuk pembangunan negara kita. Tidaklah payah lagi saya menyebutkan betapa mustahaknya negara kita berkehendakkan dengan segera kakitangan yang berkelulusan, terlatih dan mahir. Masaalah dihadapan kita ialah bila agaknya dan berapa banyakkah yang boleh kita keluarkan tenaga manusia jenis ini. Oleh kerana itu, kita terus menerus berusaha untuk mengadakan lebih banyak lagi yayasan-yayasan pelajaran dan latihan. Selain daripada pusat-pusat seperti Institut Teknologi Mara, Pusat Daya Pengeluaran Negara, Pusat Latihan Perusahaan dan Pusat Latihan Belia Pelupur Negara di mana latihan pelbagai professional dan kemahiran diberi, Kementerian Pelajaran pada masa ini mengadakan 9 buah Sekolah Vokesyenal, 2 buah Sekolah Vokesyenal Pertanian, 3 buah Sekolah Urusan Rumahtangga, 3 Kelas Urusan

Oleh itu, adalah nyata bahawa kita
Rumahtangga, 4 buah Sekolah Teknik dan sebuah
Politeknik. Di samping itu, lagi 11 buah Sekolah
Vokesyenal dan 5 buah Sekolah Teknik adalah sedang
dibena. Kita juga merancangkan hendak membena
sebuah lagi Politeknik.

Tapak Institut yang ada sekarang ini
adalah nyata tidak mencukupi untuk pembangunan dan
perkembangan masa akan datang sejajar dengan per-
tukaran taraf dan perannya. Oleh itu yang demikian
kita perlu mencari satu tapak baru, lebih besar dan
lebih selesa. Suka saya tegaskan disini bahawa
kita adalah mengambil berat di atas perkara ini.

3. Oleh itu, adalah nyata bahawa kita tidak kekurangan keazaman atau perancangan bagi menentukan bekalan tenaga manusia yang berkelulusan, terlatih dan mahir yang mencukupi untuk memenuhi keperluan negara kita.

4. Tapak Institut yang ada sekarang ini adalah nyata tidak mencukupi untuk pembangunan dan perkembangan masa akan datang sejajar dengan pertukaran taraf dan peranannya. Oleh ^{itu} ~~hal yang demikian~~, kita perlu mencari satu tapak baru, lebih besar dan lebih sesuai. Suka saya tegaskan disini bahawa kita adalah mengambil berat di atas perkara ini.

5. Kita sedar bahawa Institut ini sedang dan akan menghadapi dalam waktu yang akan datang, kekurangan tenaga pengajar. Oleh itu, Institut ini patutlah menyediakan satu rancangan, sekiranya belum berbuat demikian, untuk melatih tenaga pengajar di dalam dan di luar negeri. Institut ini tidak seharusnya sepanjang masa bergantung kepada sumber-sumber dari luar negeri. Kita sangat-sangat terhutang budi kepada Kerajaan Indonesia dan Kerajaan-Kerajaan negeri-negeri yang lain kerana bersedia membantu kita dengan meminjamkan Pensyarah-Pensyarah dan lain-lain tenaga yang dikehendaki semasa kita sangat-sangat berkehendakkan tenaga mereka itu. ~~Saya berharap mereka berasa gembira semasa berada di sini sebagaimana juga kita berasa gembira bersama-sama mereka.~~


6. Mulai pada tahun ini, Institut ini akan membantu Kementerian Pelajaran melatih guru-guru Ilmu Hisab, fizik dan Kimia. Di bawah peratoran yang ada sekarang, seramai 60 orang guru tersebut akan diterima tiap-tiap tahun. Saya berharap Institut ini akan menimbang untuk menambahkan lagi bilangan kemasokan memandangkan kepada desakan yang bertambah untuk guru-guru tersebut di Sekolah-Sekolah Menengah kita.

... dan terima kasih saya kepada Pengerusinya dan ahli-ahli Lembaga Pengurus yang lalu kerana perkhidmatan mereka yang cemerlang itu. Saya akan juga mengala-alukan Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Sementara yang baru dan menyatakan di sini bahawa saya akan berbuat apa sahaja untuk membantu mereka dan Institut ini.

7. Bertukarnya taraf Institut ini, maka Lembaga Pengurus yang lama Maktab Teknik telah dimansuhkan. Sebagai gantinya telah ditubuhkan sebuah Majlis Sementara Institut ini sehingga pada satu masa nanti Institut ini mempunyai Perlembagaan yang sepenohnya, seperti yang disyaratkan di dalam Akta Universiti-Universiti dan Kolej-Kolej Universiti, 1971. Saya suka mengambil peluang ini, mengucapkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Pengerusinya dan ahli-ahli Lembaga Pengurus yang lalu kerana perkhidmatan mereka yang cemerlang itu. Saya suka juga mengalu-alukan Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Sementara yang baru dan menyatakan di sini bahawa saya akan berbuat apa sahaja untuk membantu mereka dan Institut ini.

8. Sekarang saya suka menyentoh sedikit mengenai graduan-graduan dan pelajar-pelajar sekalian. Saya percaya mereka akan bersetuju dengan saya bahawa tidak ada perasaan yang lebih mengembirakan selain daripada mencapai kejayaan ----- iaitu mencapai sesuatu melalui usaha dan keazaman hendak berjaya. Mereka menerima diploma pada petang ini kerana mereka mempunyai mutu-mutu tersebut. Terdapat banyak peluang bagi golongan muda negara ini untuk membaiki lagi diri mereka dari segi pelajaran dan profession, sekiranya mereka^{itu} menggunakan sebaik-baiknya peluang-peluang itu. Amatlah mendukacitakan, sebaik sahaja mereka memasoki sesebuah yayasan pelajaran tinggi, mereka lupa tujuan utama mereka masok ke dalam yayasan itu. Mereka selalu nampaknya kehilangan nilai-nilai diri, kesopanan dan tanggungjawab. Pelajar-pelajar, seperti juga orang-orang lain,

ada tanggungjawabnya ----- yaitu tanggungjawab mereka kepada ibubapa mereka, kepada guru-guru mereka dan kepada masyarakat. Mereka tidak akan dihormati jika mereka sendiri tidak menghormati orang lain, mereka tidak akan di indahkan jika mereka sendiri tidak sanggup mengindahkan orang lain dan mereka tidak akan diterima oleh masyarakat jika mereka sendiri tidak sanggup menerima masyarakat itu. Kepada para graduan, saya dengan ikhlasnya menyatakan betapa gembiranya saya terhadap graduan-graduan sekelian. Tuan-tuan dan puan-puan telah mencapai kejayaan yang mana ramai orang-orang yang lain tidak dapat mencapainya. Saya berdoa semoga Tuhan menunjukkan jalan yang sebaik-baiknya kepada mereka dalam usaha mereka pada masa yang akan datang. Saya berharap juga bahawa mereka itu akan memberi munafaat kepada diri mereka sendiri, kepada ibubapa mereka dan kepada negara.



ada tanggungjawabnya ----- iaitu tanggungjawab

mereka kepada ibubapa mereka, kepada guru-guru

mereka dan kepada masyarakat. Mereka tidak akan

dihormati jika mereka sendiri tidak menghormati

orang lain, mereka tidak akan diindahkan jika

mereka sendiri tidak sanggup mengindahkan orang

lain dan mereka tidak akan dihormati oleh masyarakat

jika mereka sendiri tidak sanggup menghormati masyarakat

itu. Kepada para graduan, saya dengan ikhlasnya

menyatakan betapa pentingnya saya terhadap graduan-

graduan sekalian. Tuan-tuan dan puan-

menjadi kejayaan yang mana ramai orang

lain tidak dapat menepainya. Saya

Tuhan menunjukkan jalan yang sebetulnya kepada

mereka dalam usaha mereka pada masa yang

datang. Saya berharap juga bahawa mereka itu akan

memberi manfaat kepada diri mereka sendiri, kepada

ibubapa mereka dan kepada

No. Siri 134

No. Penerimaan 134/80

